

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. LKAN ini melaporkan pengauditan berkaitan pengurusan enam syarikat Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhannya, empat syarikat mencapai objektif penubuhan syarikat; dua syarikat menunjukkan tahap pemakaian amalan tadbir urus korporat yang baik; dan tiga syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Jumlah keseluruhan modal berbayar bagi enam syarikat yang diaudit ialah RM2.890 bilion. Ringkasan penemuan utama bagi syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

1.1. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

- a. Modal berbayar: RM1 bilion.
- b. Aktiviti utama: Pembiayaan aktiviti berasaskan pertanian dan menerima deposit/simpanan pelanggan.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. RM889.05 juta (10,917 akaun) berstatus pembiayaan terjejas setakat tahun 2020;
 - ii. 11.9% hingga 17.8% kadar pembiayaan terjejas tidak termasuk produk Agrocash; dan
 - iii. RM267.48 juta (8,257 akaun) dihapus kira bagi tahun 2018 hingga 2020.

1.2. TH Properties Sdn. Bhd. (TH Properties)

- a. Modal berbayar: RM880 juta.
- b. Aktiviti utama: Pembinaan, pengurusan projek, pembangunan hartanah dan pengurusan fasiliti.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.

- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. 12 (85.7%) daripada 14 projek pembinaan dan pembangunan hartanah telah lewat disiapkan;
 - ii. 82 unit siap belum terjual bernilai RM105.45 juta setakat 1 November 2021;
 - iii. RM68.53 juta baki dividen interim tahun 2017 belum dibayar kepada LTH setakat 30 November 2021; dan
 - iv. Empat (12.9%) daripada 31 syarikat subsidiari dan usaha sama membayar dividen kepada TH Properties berjumlah RM100.98 juta bagi tahun 2018 hingga 2020.

1.3. Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)

- a. Modal berbayar: RM751.01 juta.
- b. Aktiviti utama: Pembiayaan perniagaan dan usahawan francais.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap baik; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. Pencapaian KPI Korporat antara 80.6% hingga 99.1% bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020;
 - ii. RM122.50 juta tunggakan hutang telah dihapus kira melibatkan 640 akaun pembiayaan; dan
 - iii. 168 (92.8%) daripada 181 akaun pembiayaan yang tidak dibuat penilaian risiko telah berstatus *Non-Performing Financing* dan hapus kira.

1.4. Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail)

- a. Modal berbayar: RM239.18 juta.
- b. Aktiviti utama: Perkhidmatan rel bandar sekitar Lembah Klang.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat adalah baik; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. RM215.26 juta penurunan pendapatan tahun 2020 berbanding 2019;
 - ii. 49.4% penurunan bilangan penumpang tahunan pada tahun 2020 disebabkan penularan Covid-19; dan
 - iii. RM690.83 juta kerugian terkumpul direkodkan pada tahun 2020.

1.5. RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RISDA Plantation)

- a. Modal berbayar: RM10 juta.
- b. Aktiviti utama: Ejen mengurus aktiviti perladangan, pemasaran komoditi dan servis kontrak.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. 3,529 hektar (11.5%) penguncupan luas ladang yang diurus bagi tahun 2018 hingga bulan Jun 2021;
 - ii. RM122.36 juta dividen belum bayar kepada peserta; dan
 - iii. RM57.59 juta kerugian terkumpul direkodkan pada tahun 2020.

1.6. FELCRA Bina Sdn. Bhd. (FELCRA Bina)

- a. Modal berbayar: RM10 juta.
- b. Aktiviti utama: Aktiviti kejuruteraan meliputi bangunan, mekanikal, elektrik dan awam.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai; tadbir urus korporat pada tahap kurang memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - i. Tiada pembayaran dividen kerana mengalami kerugian sebelum cukai RM19.49 juta (2018) dan RM1.86 juta (2019).
 - ii. Dua daripada tujuh projek yang dilawati mengalami masalah aras tanah dan paip air rosak disebabkan projek tertangguh; dan
 - iii. RM16.56 juta tunggakan pemiutang melebihi 121 hari termasuk hutang sebelum tahun 2017.

2. Sebanyak 31 syor Audit telah dikemukakan kepada pihak yang berkepentingan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.